



**KENYATAAN SEBUTHARGA JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
NO. SEBUTHARGA : JBNS/2022/03**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai Lesen Berniaga yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Pembekal Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) di bawah **KEPALA 21 SUB KEPALA 0101-0100 (PERALATAN/KELENGKAPAN KOMPUTER)** untuk mendapatkan sebut harga seperti berikut:-

**PEROLEHAN PERALATAN ICT BAGI PELAKSANAAN APLIKASI PEMBAYARAN DAN
APLIKASI ATAS TALIAN DI JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**

2. Borang Sebutharga akan dijual mulai tarikh **03 NOVEMBER 2022** pada waktu pejabat di Bahagian Pengurusan Dana, Jabatan Bendahari Negeri Sabah, Aras 9, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.
3. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebutharga tersebut adalah dikehendaki menyediakan **RESIT RASMI** bernilai **RM10.00** (dikeluarkan oleh Seksyen Penerimaan dan Pembayaran, Bahagian Pengurusan Penerimaan, Penyemakan dan Pembayaran setelah bayaran wang tunai berjumlah RM10.00 dibayar kepada pejabat ini) sebagai bayaran borang sebutharga.
4. Borang Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada pembekal atau wakil yang sah sahaja. Untuk maksud ini, pihak pembekal atau wakilnya hendaklah membekalkan salinan softcopy atau membawa Sijil Pendaftaran ASAL dan Sijil Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (**PUKONSA**) serta **RESIT RASMI ASAL** yang dikeluarkan oleh jabatan ini.
5. Borang Sebut Harga yang lengkap diisi dan disertakan dengan sesalinan sijil PUKONSA yang sah dalam kod bidang berkaitan mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertanda **Tajuk Sebutharga** dan **Sebutharga No. JBNS/2022/03** di ruang atas sampul surat dan dialamatkan kepada:

**SETIAUSAHA
JAWATANKUASA SEBUTHARGA
JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
ARAS 8 - 11, BLOK A, MENARA KINABALU
JALAN TELUK LIKAS, TANJUNG LIPAT
88400 KOTA KINABALU, SABAH.**

6. Borang Sebut Harga hendaklah dihantar dan dimasukkan terus ke dalam peti sebut harga di Kaunter Utama Jabatan Bendahari Negeri Sabah, **Aras 9**, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat, 88400 Kota Kinabalu, Sabah sebelum pukul **10.00 pagi** pada **14 November 2022**. Borang sebut harga yang lewat diterima pada waktu yang ditetapkan akan **ditolak**.
7. Jawatankuasa Sebut Harga tidak akan terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. Semua Borang Sebut Harga serta dokumen sokongannya tidak akan dikembalikan.

**BENDAHARI NEGERI
JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
ARAS 8 - 11, BLOK A, MENARA KINABALU
JALAN TELUK LIKAS, TANJUNG LIPAT
88400 KOTA KINABALU, SABAH**